

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HIU 302 Pendidikan Rohaniah dalam Islam

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM(6) soalan dalam DUA(2) muka surat.

Jawab EMPAT(4) soalan sahaja, DUA(2) soalan daripada Bahagian A dan DUA(2) soalan daripada Bahagian B. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Manusia diciptakan dari dua unsur - jasmani dan rohani. Kedua-dua unsur ini saling berhubungan, masing-masing memerlukan pengisian, pengabaian terhadap tuntutan jasmani atau rohani memberi kesan negatif terhadap si pelakunya.

Berdasarkan kenyataan iniuraikan sikap adil yang perlu anda laksanakan di dalam memenuhi tuntutan rohani dan jasmani.

2. Memperbaiki akhlak luhur sangat diberi perhatian oleh Rasulullah s.a.w. malah antara sebab perutusannya juga mempunyai kaitan rapat dengan pembinaan budi pekerti. Bincangkan nilai etika dalam konteks pendidikan rohaniah serta berikan beberapa contoh terbaik di kalangan sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w.
3. Pendidikan rohaniah di kalangan anak-anak hendaklah dimulai dari umur tujuh tahun. Hati kanak-kanak yang bersih mudah dididik dan dibentuk ke arah kebenaran. Didikan rohaniah juga perlu disemaikan ke dalam jiwa anak-anak. Berdasarkan kenyataan ini bincangkan beberapa perkara berikut:
 - (a) Tanggungjawab ibu-bapa mendidik anak-anak ke arah kebenaran yang berdasarkan aqidah keimanan.
 - (b) Menyemai roh taqwa serta sifat perhambaan diri kepada Allah.

- (c) Jauhkan anak-anak dari sifat dusta.
- (d) Rasulullah s.a.w. bersabda maksudnya: "Ajarlah anak-anak kamu dengan tiga perkara, mencintai nabi kamu, dan mencintai ahli keluarganya dan mengajar mereka membaca al-Quran (Hadis Riwayat At-Tabarani dari Ali bin Abu Talib)
4. Ibn Jarir dan Ibu Munzir meriwayatkan hadis daripada Ibn Abbas r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda maksudnya:
- "Bekerjalah dengan taat kepada Allah, dan jauhilah maksiat terhadap Allah, dan suruhlah anak-anak kamu supaya menurut perintah dan menjauhi larangan, maka itulah pemeliharaan diri kamu dan diri mereka daripada api neraka."
- Berdasarkan maksud hadis tersebut,uraikan beberapa perkara berikut:
- (a) Sifat taqwa yang dapat anda fahami di dalam hadis berkenaan.
- (b) Meninggalkan kemungkaran adalah ciri terpenting dalam pendidikan rohaniah.
- (c) Dorongan mempelajari isi al-Quran.
- (d) Wasiat-wasiat Rasulullah s.a.w. berhubungan dengan didikan rohaniah.
5. Sifat-sifat kecelaan meninggalkan kesan negatif dalam kehidupan masyarakat. Malahan seorang mukmin akan kehilangan segala kebaikannya kerana terjebak dengan sifat-sifat 'riya' 'ujub dan hasad. Apakah penawar yang telah disarankan oleh Imam Al-Ghazali r.a. bagi mengubati penyakit-penyakit rohaniah yang berkenaan.
6. Menurut perbahasan ahli-ahli kerohanian Islam, nafsu mempunyai beberapa tingkatan. Usaha mencapai nafsu yang sejahtera (Mutmainnah) terpaksa menjalani latihan-latihan rohaniah dan bimbingan dari guru-guru yang 'arif.'

Berdasarkan pernyataan ini uraikan proses mujahadah rohaniah yang telah dipilih oleh ulamak-ulamak kerohanian Islam berdasarkan kehidupan Rasulullah s.a.w.